

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : **LISAN**

**DARIPADA** : **YB TUAN ZAIRIL KHIR JOHARI**  
**[ BUKIT BENDERA ]**

**TARIKH** : **19 MEI 2016 (KHAMIS)**

**SOALAN** :

**Tuan Zairil Khir Johari [ Bukit Bendera ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada kerajaan berhasrat untuk mengembalikan status Mahkamah Persekutuan sebagai 'Mahkamah Perlembagaan' agar semua kes yang membabitkan hak perlembagaan dan kebebasan asasi dapat diputuskan secara langsung oleh Mahkamah Persekutuan.

**JAWAPAN: YB PUAN HAJAH NANCY SHUKRI**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sejak merdeka Mahkamah Tertinggi di Malaysia adalah Mahkamah Persekutuan. Pada tahun 1985 Mahkamah Persekutuan telah dinamakan sebagai Mahkamah Agung dan kemudiannya pada tahun 1994 digantikan dengan nama Mahkamah Persekutuan semula.

2. Mahkamah Persekutuan ditubuhkan di bawah Perkara 121(2) Perlembagaan Persekutuan. Bidang kuasa Mahkamah Persekutuan diperuntukkan dalam Perkara 128 iaitu untuk memutuskan perkara berkenaan keesahan sesuatu undang-undang yang dibuat oleh Parlimen atau Badan Perundangan sesuatu Negeri dan apa-apa pertikaian antara Negeri dan Persekutuan. Dalam Perkara 130 Perlembagaan Persekutuan pula, Mahkamah Persekutuan mempunyai kuasa untuk memutuskan apa-apa persoalan tentang kesan mana-mana peruntukan Perlembagaan Persekutuan yang dirujuk oleh Yang di-Pertuan Agong.

3. Justeru itu, tiada isu atau persoalan untuk mengembalikan status Mahkamah Persekutuan sebagai Mahkamah Perlembagaan.

Sekian, terima kasih.